

▼14/04/20-43MST

CNS4224

R GB 14-04 00185 BC261

AAH

Mahathir - Asean

HARAPAN MAHATHIR: SEMUA 10 NEGARA ASIA TENGGARA AKAN SERTAI ASEAN

Oleh Abdul Rahman Sulaiman

PHNOM PENH, 14 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata, adalah menjadi harapan beliau agar ASEAN dianggotai oleh kesemua 10 negara di Asia Tenggara.

Beliau berkata, ini perlu memandangkan sekiranya Asia Tenggara lebih bersatu ia akan menjadikan rantau ini lebih kukuh dalam menangani cabaran-cabaran masa akan datang.

"Kita sama-sama boleh bekerja dengan negara-negara lain di Asia Timur untuk membentuk satu semangat yang lebih kental dan progresif di rantau ini," katanya ketika berucap pada jamuan negara oleh Perdana Menteri bersama Kemboja Putera Norodom Ranariddh dan Hun Sen di sini.

Perdana Menteri, yang kini dalam lawatan rasmi dua hari ke Kemboja berkata, Laos dan Vietnam telah mengambil langkah-langkah persiapan untuk menyertai Asean. Kedua-duanya, kini menjadi pemerhati bagi kumpulan serantau itu yang dianggotai oleh Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina, Singapura dan Brunei Darussalam.

Beliau berharap Kemboja akan menimbang bagi penyertaan dalam Asean seperti mana yang dibuat oleh Laos dan Vietnam. -- Lagi

▼14/04/22-39MST

CNS4225

R GB 14-04 00121 BC262

AAH

Mahathir - Asean 2 (Akhir) Phnom Penh

Mengenai hubungan Malaysia-Kemboja, Perdana Menteri memberi jaminan kepada tuan rumah bahawa Malaysia akan mengambill setiap langkah untuk memperkukuhkan lagi hubungan yang sedia terjalin antara rakyat kedua-dua negara, yang bermula sejak berabad-abad dahulu, dan sekarang era baru telah bermula dalam hubungan antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mengagumi komitmen kerajaan Kemboja ke arah menggalakkan pemulihan dan pembangunan semula negara itu.

Beliau memberi jaminan bahawa kerajaan Malaysia akan terus bekerjasama dengan Kemboja dalam usaha-usaha pemulihan semula dan pembangunan negara itu.

Beliau mencadangkan kedua-dua negara membentuk rangka kerja teratur untuk memudahkan pemeteraian perjanjian-perjanjian dua hala antara kedua-dua negara. -- Bernama

ARES SJA CR